

KOMUNIKASI VISUAL DALAM DAKWAH KONTEMPORARI DI INSTAGRAM

Norhudi'in Danu
Nurul Ashikin Abdul Halim

ABSTRAK

Komunikasi dan dakwah merupakan dua medium yang penting bagi semua umat manusia dalam setiap lapangan kehidupan. Selari dengan peredaran zaman dan keadaan masyarakat pada masa kini, perkembangan dakwah menuntut kepada pendekatan penyampaian yang pelbagai. Penyampaian dakwah tidak lagi terikat dengan cara berceramah atau bersandarkan kepada pendekatan tradisional semata-mata bahkan perlu kepada pendekatan kontemporari yang dapat memenuhi keinginan sasaran dakwah. Komunikasi visual merupakan salah satu proses menyalurkan maklumat dalam dakwah kontemporari. Kepentingan orang ramai memahami komunikasi visual amatlah penting agar maklumat sebenar yang disampaikan dapat dicapai. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti simbol yang terdapat dalam komunikasi visual yang diaplikasikan dalam posting Instagram pendakwah tersohor di Malaysia iaitu Ustaz Wadi Annuar. Objektif seterusnya menganalisis penggunaan simbol yang terdapat dalam komunikasi visual yang diaplikasikan menerusi analisis Semiotik.

Kata kunci: Komunikasi visual, dakwah kontemporari, semiotik, Instagram

PENGENALAN

Perkembangan pantas teknologi mudah alih pada hari ini memudahkan proses penyebaran maklumat dari penghantar kepada penerima. Ia juga meningkatkan penggunaan media sosial sebagai sumber pencarian maklumat yang membolehkan pengguna mengakses media sosial di mana sahaja dan pada bila-bila masa. Maklumat di hujung jari di mana pengguna dapat mencari sesuatu informasi dengan satu klik carian sahaja di aplikasi media sosial. Kebiasaannya maklumat tersebut mampu mengubah persepsi dan pandangan mereka terhadap sesuatu isu yang seterusnya menjurus kepada perubahan tingkah laku. Perluasan dan perkembangan pesat teknologi ini juga telah membuka ruang yang lebih baik dalam interaksi sosial dan komunikasi maklumat (Nizar & Chandrashekar, 2014).

Media sosial merupakan satu platform di mana kesemua informasi disampaikan dengan menggunakan komunikasi visual. Tujuan penggunaan visual adalah untuk menjalinkan hubungan komunikasi antara manusia sebagai pengguna dengan komputer sebagai alat komunikasi (Baharuddin Aris et al., 2002). Selain itu menurut Stubbs dan Barksdale (2003) bahawa reka bentuk visual akan menunjukkan rupa bentuk keseluruhan laman sesawang mahupun akaun media sosial seseorang individu. Pada hari ini, alam media sosial turut dibanjiri dengan kehadiran 'influencer dakwah' atau pendakwah selebriti di media sosial bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Platform media dakwah secara interaktif telah semakin banyak dan aktif sejak 2015 dan semakin rancak di penghujung tahun 2019.

Begley (2012) berpendapat media sosial antara medium yang boleh memberi pemahaman yang jelas terhadap agama Islam. Wawarah et al. (2019) mengukuhkan lagi pendapat Begley bahawa kajiannya mendapati 32% remaja yang majoritinya berlatarbelakangkan didikan agama Islam banyak mencari maklumat berkaitan motivasi dan agama di Instagram. Oleh demikian kerana pencapaian terhadap sesebuah maklumat dan mempelajari ilmu agama ini semakin mudah diakses dan disebarkan melalui media baru seperti jaringan sosial yang pelbagai di Internet. Menurut Schneider et al. (2004), maklumat yang terdapat di Internet memudahkan individu mahupun organisasi untuk berkomunikasi, berkongsi dan mencapai data tanpa memerlukan kursus secara intensif. Dengan adanya media sosial ini sedikit sebanyak mampu memudahkan para pendakwah untuk menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat umum. Rentetan itu, perkara ini juga telah memaksa para pendakwah perlu sama-sama melangkah kearah penyebaran ilmu alaf baru dengan menggunakan pendekatan yang lebih mesra kepada masyarakat seperti Facebook, Instagram, Youtube, Tik Tok dan banyak lagi.

Antara pendakwah yang aktif berdakwah menerusi aplikasi Tik Tok seperti Ustaz Ahmad Adnin Roslan (1.6 juta pengikut), Ustaz Ahmad Dusuki Abdul Rani (987,000 pengikut), Imam Muda Asyraf (lebih dari 64,000 pengikut) dan ramai lagi. Menyingkap tabir dakwah menerusi laman instagram pula, para pendakwah mula aktif menyampaikan ilmu dan mesej-mesej dakwah di dalam akaun peribadi milik mereka. Dakwah yang diketengahkan melalui platform ini adalah melalui aplikasi komunikasi visual. Antara pendakwah yang aktif di platform instagram adalah seperti Ebit Lew (5.8 juta pengikut), Ustazah Asmah Harun (1.5 juta pengikut), Ustazah Datuk Dr. Norhafizah (1 juta pengikut), Ustaz Wadi Annuar (869 ribu pengikut) dan ramai lagi. Penggunaan elemen visual dalam dakwah kontemporari akan menjadi lebih menarik dan berlakunya proses komunikasi imperatif. Manakala dari sudut penerimaan pendidikan dalam kajian Norasikin Fabil & Zawawi Ismail (2005) dalam Kanapathy (2017), pengaplikasian visual akan menjadi suatu pemahaman yang baik dan membantu pengguna memahami sesuatu konsep dengan lebih cepat dan mudah.

Komunikasi visual ialah konsep komunikasi dan ungkapan kreativiti yang melibatkan elemen-elemen reka bentuk grafik iaitu gambar, huruf, warna, komposisi dan paparan reka bentuk (Faridah, 2012). Ia melibatkan rekaan grafik seperti logo, animasi, ilustrasi, fotografi, warna, simbol, lambang, identiti korporat, pengiklanan, multimedia dan lain-lain hasil rekaan kreatif. Dalam kajian Hanafi et.al (2020), komunikasi visual menjadi kaedah yang begitu hebat sekali dan digunakan secara meluas dalam menyampaikan maklumat semasa pandemik Covid 19. Infografik merupakan salah satu elemen dalam komunikasi telah membantu orang ramai untuk mengenalpasti arahan, panduan serta tindakan yang perlu dilakukan untuk pengawalan serta penularan penyakit

Covid 19. Manakala dalam kajian Sharul Azim Sharudin et. al, (2020) mendapati bahawa visual infografik bukan sekadar kerap digunakan pada informasi kesihatan malahan bagi keseluruhan penggunaan posting Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menyampaikan maklumat kesihatan. Ianya menggambarkan bahawa penggunaan infografik dapat membantu khalayak meningkatkan kesedaran tentang kesihatan kerana visual ini selain memberi maklumat dalam bentuk teks, ia juga memaparkan visual yang mengukuhkan kandungan teks.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penyampaian dakwah kontemporari oleh para pendakwah selebriti kepada sejumlah besar pengikut berlaku dengan mudah dan pantas melalui komunikasi visual di media sosial terutamanya Instagram. Sharul et. al, (2020) berpendapat bahawa penyampaian sesuatu mesej dapat dilakukan dengan mudah selaras dengan kemajuan teknologi komunikasi semasa. Mesej ini akan bergerak pantas dari tangan ke tangan individu lain apabila ia dikongsi oleh pengguna aplikasi media sosial. Kepantasan memperoleh jumlah sasaran khalayak yang tinggi dalam sekelip mata telah menggiatkan penciptaan posting dengan menggunakan komunikasi visual oleh majoriti pemilik akaun terutamanya para influencer di sosial media termasuk pendakwah selebriti di Instagram. Namun begitu, sejauh manakah simbol dan tanda dalam visual yang diaplikasikan berupaya difahami dengan jelas dan mudah oleh khalayak. Pendakwah telah berusaha sebaik mungkin untuk menyampaikan ilmu yang mudah difahami dan menarik minat khalayak dengan aplikasi visual-visual yang pelbagai agar bermanfaat. Maka kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti bentuk dan interpretasi makna simbol komunikasi visual yang diaplikasikan dalam dua posting Instagram Ustaz Wadi Annuar. Posting ini dipilih berdasarkan kewujudan penggunaan komunikasi visual dan mendapat jumlah tontonan yang tinggi. Tajuk posting tersebut adalah 'Arahan Allah, Jangan Tangguh'. Justeru itu objektif pertama adalah untuk mengenalpasti simbol yang terdapat dalam komunikasi visual yang diaplikasikan dalam posting Instagram tersebut. Objektif seterusnya menganalisis penggunaan simbol yang terdapat dalam komunikasi visual yang diaplikasikan menerusi analisis Semiotik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif, analisa kandungan video dalam posting Instagram dan kaedah Perbincangan Kumpulan Fokus dengan aplikasi analisis Semiotik. Seramai 6 informan yang terlibat dalam kajian ini. Kesemua informan merupakan pelajar yang mengambil kursus Komunikasi Visual di IPTA. Menurut Azizah Hamzah (2010), jumlah sampel yang ideal adalah diantara enam sehingga 12 orang untuk ditemu ramah sekali gus dengan bantuan fasilitator yang bakal menentukan hala tuju perbincangan secara bebas tentang sesuatu tajuk. Informan akan ditayangkan posting Instagram tersebut terlebih dahulu, diikuti beberapa soalan oleh fasilitator untuk melancarkan proses interpretasi makna berdasarkan analisis Semiotik. Semiotik boleh didefinisikan sebagai ilmu tentang tanda-tanda atau simbol. Ia berfungsi menyampaikan mesej atau informasi secara visual yang memaparkan suatu gambar, tanda atau simbol yang dapat ditafsirkan dengan mudah. Analisis semiotik menurut Stokes (2003) bermula dengan pendefinisian objek analisis dan pengumpulan teks (kumpulan tanda) yang akan dianalisis. Seterusnya, simbol - simbol yang tampak dalam hasil karya yang dikaji akan disenaraikan. Analisis semiotik dalam kajian ini akan dilakukan terhadap simbol - simbol tersebut akan meliputi analisis dimensi elemen fizikal yang terdiri dari garisan, bentuk, warna, komposisi gambar, dan tulisan. Penggunaan teori semiotik yang semakin meluas ke pelbagai disiplin ilmu, memberikan sumbangan keilmuan terhadap kepelbagaian ilmu dalam dunia pendidikan. Dalam hal ini ilmu semiotik lebih memperhatikan makna mesej dan cara mesej disampaikan melalui tanda-tanda (Danesi, 2004).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Simbol yang terdapat dalam komunikasi visual

Berdasarkan pemerhatian dalam posting Instagram, didapati Ustaz Wadi Annuar mengaplikasikan gabungan fotografi dan video dalam penyampaian dakwah. Penggunaan kepelbagaian simbol bermula dari imej, bentuk, warna, komposisi gambar, video, bunyi, pergerakan dan tulisan walaupun dalam durasi video yang pendek jelas dapat dilihat dan diamati. Dalam kajian Rohendi (2011) simbol dapat dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu kata benda, kata kerja, dan kata sifat. Simbol yang diwakili oleh kata benda adalah seperti barang atau objek manakala kata kerja adalah sesuatu yang berfungsi sebagai menggambarkan, menggantikan dan memanipulasi. Simbol yang menjelaskan kepada kata sifat adalah berupa sesuatu yang lebih bermakna atau bernilai.

Untuk menjawab objektif pertama, analisis posting video dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu simbol dalam latar belakang (atas), video (tengah) dan latar belakang (bawah) berdasarkan pemaparan di posting Instagram.

Video Posting di Instagram: 'Arahan Allah, Jangan Tangguh'

Posting berdurasi 1minit 7 saat ini disiarkan pada 13 Julai 2022, mendapat jumlah tontonan di antara yang tertinggi iaitu 148, 417 penonton, seramai 26.2k yang menyetujui tanda suka serta terdapat 95 orang yang memberi komen.

Naratif Permulaan



Rajah 1: Naratif Permulaan Visual Posting di Instagram: 'Arahan Allah, Jangan Tangguh'

Visual			
Bahagian	Latar belakang (atas)	video (tengah)	latar belakang (bawah)
Simbol	<p>Fotografi: orang sedang rukuk Warna: pakaian putih, latar belakang coklat tanah Tipografi: Siri Video Pendek (kuning saiz sederhana), Arahan Allah Jangan Tangguh (putih saiz besar) dan Ustaz Wadi Annuar (putih saiz kecil) Garisan: warna hitam ada tiga</p>	<p>Video: Seorang lelaki berpakaian putih duduk di atas kerusi kelabu Warna: latar belakang dinding putih Imej: mikrofon kecil warna hitam</p>	<p>Fotografi: bayangan gelap orang sedang angkat tangan seolah berdoa Warna: bayangan orang hitam, latar belakang coklat tanah Kotak warna merah hati Tipografi: tiga jenis dan tiga warna iaitu putih, hitam dan hijau Logo: 3 jenis logo berbentuk bulat, tulisan dan segi empat</p>

Rajah 2: Naratif Permulaan Pecahan Visual Posting di Instagram: 'Arahan Allah, Jangan Tangguh'

Dalam visual naratif permulaan secara keseluruhan memaparkan tiga bahagian utama iaitu: Latar belakang (atas), video (tengah) dan latar belakang (bawah).

Naratif Pertengahan



Rajah 3: Naratif Pertengahan Visual Posting di Instagram: 'Arahan Allah, Jangan Tangguh'

<p>Visual</p>			
<p>Bahagian</p>	<p>Latar belakang (atas)</p>	<p>video (tengah)</p>	<p>latar belakang (bawah)</p>
<p>Simbol</p>	<p>Fotografi: orang sedang rukuk Warna: pakaian putih, latar belakang coklat tanah Tipografi: Siri Video Pendek (kuning saiz sederhana), Arahan Allah Jangan Tangguh (putih saiz besar) dan Ustaz Wadi Anwar (putih saiz kecil) Garisan: warna hitam ada tiga</p>	<p>Video: Bayangan gelap seorang lelaki berdiri sedang mengangkat kedua – dua tangan ke sisi telinga Warna: latar belakang coklat</p>	<p>Fotografi: bayangan gelap orang sedang angkat tangan seolah berdoa Warna: bayangan orang hitam, latar belakang coklat tanah Kotak warna merah hati Tipografi: tiga jenis dan tiga warna iaitu putih, hitam dan hijau Logo: 3 jenis logo berbentuk bulat, tulisan dan segi empat</p>

Rajah 4: Naratif Pertengahan Pecahan Visual Posting di Instagram: 'Arahan Allah, Jangan Tangguh'

Naratif Pengakhiran



Rajah 5: Naratif Pengakhiran Visual Posting di Instagram: ‘Arahan Allah, Jangan Tangguh’

<p>Visual</p>			
<p>Bahagian</p>	<p>Latar belakang (atas)</p>	<p>video (tengah)</p>	<p>latar belakang (bawah)</p>
<p>Simbol</p>	<p>Fotografi: orang sedang rukuk Warna: pakaian putih, latar belakang coklat tanah Tipografi: Siri Video Pendek (kuning saiz sederhana), Arahan Allah Jangan Tangguh (putih saiz besar) dan Ustaz Wadi Annuar (putih saiz kecil) Garisan: warna hitam ada tiga</p>	<p>Video: Paparan tulisan bergerak berwarna kuning “Wadi Annuar” Warna : latar belakang hitam</p>	<p>Fotografi: bayangan gelap orang sedang angkat tangan seolah berdoa Warna: bayangan orang hitam, latar belakang coklat tanah Kotak warna merah hati Tipografi: tiga jenis dan tiga warna iaitu putih, hitam dan hijau Logo: 3 jenis logo berbentuk bulat, tulisan dan segi empat</p>

Rajah 6: Naratif Pengakhiran Pecahan Visual Posting di Instagram: ‘Arahan Allah, Jangan Tangguh’

Analisis Penggunaan Simbol Yang Terdapat Dalam Komunikasi Visual

Bagi menganalisis makna pada simbol-simbol yang terdapat dalam komunikasi visual dalam posting tersebut, para informan telah diberi penerangan mengenai ilmu asas mengenai analisis Semiotik. Menurut Eizah Mat Hussain (2019) menjelaskan Simbol sebagai imej yang menimbulkan objek sebenar, konkrit dan daripada objek sebenar itu pula menyarankan kepada maksud atau pengertian yang lain. Dapat dijelaskan di sini, simbol boleh ditafsirkan berdasarkan kepada imej daripada objek yang dijelmakan dalam karya seni. Objek yang divisualkan itu, adalah berperanan sebagai bentuk untuk menggambarkan atau menggantikan sesuatu makna yang baharu.

Naratif Permulaan

Interpretasi Makna Simbol pada visual Latar Belakang (atas);

Simbol	Fotografi: orang sedang rukuk Warna: pakaian putih, latar belakang coklat tanah Tipografi: Siri Video Pendek (kuning saiz sederhana), Arahan Allah Jangan Tangguh (putih saiz besar) dan Ustaz Wadi Annuar (putih saiz kecil) Garisan: warna hitam ada tiga
---------------	--

Rajah 7: Interpretasi Makna Simbol pada visual Latar Belakang (atas)

Simbol adalah satu bentuk komunikasi antara pengkarya dan penghayat. Fotografi lelaki berpakaian serba putih dari kepala hingga ke bawah sedang rukuk memberitahu penonton bahawa solat merupakan salah satu arahan Allah SWT yang paling penting dan perlu diutamakan. Para informan bersetuju bahawa imej tersebut bersesuaian dengan tajuk posting pendakwah “Arahan Allah Jangan Tangguh”. Informan kedua dan kelima berpendapat bahawa tulisan putih huruf besar pada tajuk, selain bertujuan memberitahu penonton ia juga merupakan satu mesej yang penuh ketegasan.

Simbol	Video: Seorang lelaki berpakaian putih duduk di atas kerusi kelabu Warna: latar belakang dinding putih Imej: mikrofon kecil warna hitam
---------------	--

Rajah 8: Interpretasi Makna Simbol pada visual video (tengah)

Elemen video yang merakamkan seorang lelaki berpakaian putih duduk di atas kerusi kelabu sedang bercakap di depan mikrofon dan matanya memandang ke hadapan (kamera dan penonton), kesemua informan meyakini bahawa beliau adalah Ustaz Wadi Annuar yang merupakan pendakwah selebriti di Instagram. Informan pertama berpendapat warna putih melambangkan kesucian, kemuliaan dan ia jarang dipakai oleh orang kecuali berdasarkan acara tertentu. Pemilihan warna putih untuk dipakai oleh pendakwah ini sangat tepat dan Berjaya menarik kepercayaan penonton untuk mendengar syarahannya.

Naratif Pertengahan

Interpretasi Makna Simbol pada video (tengah);

Simbol	Video: Bayangan gelap seorang lelaki berdiri sedang mengangkat kedua – dua tangan ke sisi telinga Warna: latar belakang coklat
---------------	---

Rajah 9: Interpretasi Makna Simbol pada visual video (tengah)

Informan keempat menyatakan bahawa bayangan gelap seorang lelaki mengangkat tangan ke sesi telinga juga merupakan perbuatan atau rukun wajib dalam solat. Manakala informan kedua memberi reaksi kurang senang hati dengan pemilihan warna gelap untuk menonjolkan kepentingan solat dalam kehidupan manusia. Namun begitu, mereka bersetuju bahawa simbol orang dalam visual tersebut memberi makna yang kuat bersesuaian dengan syarahan. Pandangan Liza Marziana (2015) terhadap makna yang menjelaskan bahawa makna adalah kenyataan yang bersifat intelektual yang melibatkan ekspresi yang dicipta oleh pengkarya dan diterjemahkan oleh pemerhati. Oleh itu, makna adalah sesuatu yang bersifat intersubjektif atau boleh diertikan sebagai dihayati secara bersama, diterima dan dipersetujui oleh masyarakat.

Naratif Pengakhiran

Interpretasi Makna Simbol pada video (tengah);

Simbol	Video: Paparan tulisan bergerak berwarna kuning “Ustaz Wadi Annuar” Warna: latar belakang hitam
---------------	--

Rajah 10: Interpretasi Makna Simbol pada visual video (tengah)

Apabila tipografi yang seakan bentuk tulisan jawi tertera perkataan “Ustaz Wadi Annuar” berwarna kuning dan berlatar belakang warna hitam, kesemua informan menyatakan bahawa video ini telah sampai ke penutupnya.

Simbol	Fotografi: bayangan gelap orang sedang angkat tangan seolah berdoa Warna: bayangan orang hitam, latar belakang coklat tanah Kotak warna merah hati Tipografi: tiga jenis dan tiga warna iaitu putih, hitam dan hijau Logo: 3 jenis logo berbentuk bulat, tulisan dan segi empat
---------------	---

Rajah 11: Interpretasi Makna Simbol pada visual Latar Belakang (bawah)

Disebalik paparan imej bayangan orang sedang angkat tangan berdoa kepada Allah, informan keenam bersetuju bahawa video ini telah sampai ke pengakhirannya. Berdoa merupakan acara simbolik setelah selesai melakukan ibadat solat. Selain itu, para informan menyatakan bahawa program dakwah di Instagram ini memujuk penonton untuk memberi sedekah kepada pihak produksi penerbitan syarahan Ustaz Wadi Annuar apabila mereka melihat nombor akaun bank Maybank Produksi tertera dalam kotak berwarna merah hati. Informan ketiga dan kelima menyatakan bahawa video yang mereka tonton ini merupakan potongan pendek dari keseluruhan video, jika penonton ingin melihat keseluruhannya, mereka boleh menonton di Youtube rasmi pendakwah selebriti ini seperti yang tertera di logo.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis posting visual di Instagram dakwah kontemporari bagi memahami bentuk dan makna disebalik simbol yang di visualkan oleh pendakwah selebriti. Dapatan menunjukkan bahawa bentuk simbol yang digunakan dalam posting Instagram ini adalah imej-imej fotografi, infografik, ilustrasi dan ikon yang mudah dikenali. Manakala interpretasi makna di sebalik simbol-simbol semiotik yang digunakan adalah setiap imej yang dimasukkan dalam rekaan penceritaan visual menepati dan melambangkan makna tertentu. Secara kesimpulannya, gabungan penggunaan simbol yang tepat dan mudah difahami dalam penceritaan visual memainkan peranan penting untuk menyampaikan mesej kesedaran kesihatan kepada masyarakat. Oleh itu, penggunaan simbol dapat dikenalpasti sebagai alat terbaik untuk menyampaikan makna dalam penyampaian dakwah kontemporari di era digital.

Rujukan

- Aylett, M. P., Farrow, E., Pschetz, L., & Dickinson, T. (2015, April). Generating narratives from personal digital data: Triptychs. In Proceedings of the 33rd Annual ACM Conference Extended Abstracts on Human Factors in Computing Systems (pp. 1875-1880). ACM.
- Azizah Hamzah. 2010. Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya dalam Jurnal Pengajian Media Malaysia, 6 (1)
- Begley, P.A. 2012. Action-oriented interfaith dialogue with Muslim communities. Dlm. Samovar, L.A. Porter, R.E. & McDaniel. E.R.(pnyt). Intercultural Communication. Boston: Wadsworth
- Browning, L., Browning., Littlejohn, S. W., & Foss, K. A (2009). Encyclopedia of communication theory. Thousand Oaks, CA: Sage;. p. 673-7.
- Craig, D. Taranaki (2005). Gothic and the Political Economy of New Zealand Narrative and Sensibility. New Zeal Sociol. 2005;20(2).
- Faridah Ibrahim, Tika Nuraeni, Fauziah Ahmad, Chang Peng Kee & Normah Mustaffa (2012). Bahasa komunikasi visual dan pengantaraan produk: Satu analisis semiotik. GEMA OnlineTM Journal of Language Studies 257, Volume 12(1), January 2012
- Nizar & Chandrashekhar. (2014). A cross sectional online survey of compulsive Internet use and mental health of young adults in Malaysia. Journal of Family and Community Medicine 21(1): 23-28
- Norasikin Fabil & Zawawi Ismail. (2005). Visualisasi Maklumat dalam Pendidikan Masa Kini. Masalah Pendidikan, Universiti Malaya
- Stubbs, S.T. & Barksdale, K. (2003). Web design basics. Thomson Course Technology.
- Tahir, Hanafi & Baharom, Shahrel & Abd Rashid, Mohd Shahril. (2020). The Role of Visual Communication During Covid Pandemic 19. Ideology Journal. 5. 35-40. 10.24191/idealogy.v5i2.222.
- Wawarah Saidpudin, Normazaini Saleh, Nursyamimi Harun, Marhaini Abdul Ghani & Nur Hazwani Ahmad Damanhuri. (2019). Pemimpin Pendapat di Instagram: Apa yang Ada Pada Instafamous?. Malaysian Journal of Youth Studies, 1, 48-62.

Norhudi'in Danu
Fakulti Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia
Email: norhudin@unimap.edu.my

Nurul Ashikin Abdul Halim
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia
Email: nashikin@unimap.edu.my.